

**PROSEDUR RAYUAN PEMBATALAN NAMA DARI SENARAI HITAM DAN/ATAU TINDAKAN
SAMAN (SEBELUM PENGHAKIMAN DIREKODKAN)**

LANGKAH 1 – KEMUKAKAN SURAT RAYUAN

Peminjam perlu mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan besertakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Surat Rayuan; dan
- (ii) Salinan Slip Gaji terkini sekiranya bekerja; atau
- (iii) Penyata pendapatan bagi peminjam yang bekerja sendiri; atau
- (iv) Surat Akuan daripada Pesuruhjaya Sumpah diperlukan sekiranya peminjam tidak bekerja; atau
- (v) Penyata KWSP yang terkini sekiranya ada; atau
- (vi) Surat Tawaran Belajar jika masih belajar; atau/dan
- (vii) Pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian.

LANGKAH 2 – MAKLUMAN/SEMAKAN KEPUTUSAN RAYUAN

Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada peminjam melalui email atau telefon (jika maklumat dikemaskini). Peminjam juga boleh menyemak keputusan rayuan dengan menghubungi Hotline di talian **03-2080 4455**.

**LANGKAH 3 – PEMBATALAN NAMA DARI SENARAI HITAM DAN/ATAU SAMAN
(SEBELUM PENGHAKIMAN DIREKODKAN)**

Bagi membatalkan nama dari senarai hitam dan/atau saman (hanya layak bagi kes penghakiman belum direkodkan), peminjam perlu mengemukakan dokumen berikut selepas bayaran dibuat berdasarkan keputusan rayuan.

- (i) [Surat Akuan](#)
- (ii) Slip bayaran (jika bayaran belum direkodkan dalam penyata)
- (iii) [Borang Potongan Gaji](#) / Salinan borang standing instruction

Pertanyaan atau serahan dokumen berkenaan boleh diajukan kepada:

- (i) Kaunter Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN.
- (ii) One Stop Center, KL Sentral.
- (iii) Info Center di Sabah dan Sarawak.
- (iv) Call Center PTPTN di talian **03-20804455**.